

Headline	Seminar ringankan tekanan pelajar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	688 cm ²
Journalist	Rosdi Ismail	AdValue	RM 23,625
Frequency	Daily	PR Value	RM 70,875



» TH, BH bantu murid kurang berkemampuan dapat pengetahuan tambahan

Seminar ringankan tekanan pelajar



Zurita, Mohammad Saimi dan Zor (depan di tengah) bersama sebahagian daripada peserta Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Oleh Rosdi Ismail
rosdi@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Usaha Tabung Haji (TH) dan BH membantu pihak sekolah meringankan beban murid kurang berkemampuan di bandar untuk mendapat pengetahuan tambahan mendapat pujian warga pendidik.

Guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Tasik Selatan, Rahimah Mohd Amin, berkata biarpun murid berkenaan menetap di bandar, tidak semua berkemampuan untuk mengikuti kelas tuisyen dan tambahan di luar sekolah.

"Dengan adanya Seminar Bimbingan Peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) TH, ia memberi peluang kepada murid berkenaan mendapat pengetahuan tambahan secara percuma.

"Program turut disifatkan sebagai perkongsian pintar pihak sekolah dengan agensi korporat seperti TH dan BH, selain membantu murid terbabit mendapatkan petua menjawab soalan yang tepat daripada guru pakar," katanya ketika ditemui pada Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR TH dan BH Didik di Bangunan TH, di sini, baru-baru ini.

Seminar sehari membincangkan empat subjek iaitu Bahasa Melayu, Sains dan Matematik itu dihadiri 270 calon UPSR yang juga ahli Kelab TaHa dari lima sekolah rendah sekitar Kuala Lumpur iaitu SK Bandar Tasik Selatan, SK Bandar

Tun Razak, SK Jalan Gurney, SK Raja Muda, SK Dato Keramat (2) dan anak kakitangan TH.

Program berterusan

Majlis perasmian disempurnakan Pengurus Besar Khidmat Pelanggan TH, Mohammad Saimi Mat Som. Yang turut hadir Timbalan Pengarah TH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Zurita Ahmad Raffie dan Pengurus TH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Zor Mohd Poat.

Berucap merasmikan seminar itu, Mohammad Saimi berkata, program pendidikan berterusan dengan kerjasama BH itu dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar yang akan menduduki UPSR, Sijil Pelajaran Malaysia dan Penilaian Menengah Rendah.

Sebagai sebuah badan korporat, katanya, TH turut terpacak untuk membantu kerajaan memajukan kecemerlangan pendidikan bagi melahirkan lebih ramai tenaga mahir bagi membantu pembangunan negara pada masa depan.

"TH bukan sahaja memberi tumpuan kepada pelajar di luar bandar dan pedalaman, sebaliknya mengatur langkah bagi membantu pelajar di bandar walaupun mereka menikmati pelbagai kemudahan pembelajaran.

"Kita tidak mahu mereka ini tercicir dalam pelajaran dan gagal meneruskan pengajian kepada peringkat lebih tinggi sedangkan di sekeliling mereka pelbagai kemudahan pembelajaran disediakan berbanding pelajar di luar bandar," katanya.

Anjakan paradigma

Sementara itu, guru Sains sekolah yang sama, Normazila Mustaffa, berkata program berkenaan mem-



Program turut disifatkan sebagai perkongsian pintar pihak sekolah dengan agensi korporat

Rahimah Mohd Amin,
Guru Bahasa Melayu
SK Bandar Tasik Selatan

beri anjakan paradigma kepada murid untuk menimba ilmu tambahan daripada guru pakar dan berpengalaman.

Beliau berkata, kebiasaannya murid mudah menerima pengajaran daripada guru yang datang dari sekolah lain, sekali gus menyuntik semangat untuk lebih rajin berusaha.

Katanya, murid juga lebih seronok dengan pengajaran berbeza yang mereka peroleh di sekolah kerana mungkin berasa jemu dengan rutin pengajaran guru di sekolah masing-masing. "Mereka tertarik dengan cara penyampaian guru berkenaan yang menarik dan mudah difahami, sekali gus menimbulkan minat kepada mereka untuk memberi tumpuan dan menimba ilmu baharu.

"Senario ini disedari ketika mereka menyertai program yang dikendalikan guru pakar dan cemerlang dengan gaya pengajaran yang berbeza serta berkesan dalam memberi bimbingan kepada calon UPSR," katanya.

Mohammad Saimi beramah mesra dengan peserta Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

